

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan kita masih lagi membahaskan mengenai Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi seramai 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai belanjawan khusus kementerian tersebut.

Walau bagaimanapun sebelum perkara ini kita laksanakan sebagaimana menurut peraturan kita, maka saya

mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan respons ataupun reaksinya terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan sebelum ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan belanjawan kementerian abis kaola. Soalan pertama yang kaola ingin jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi, berkenaan dengan 4 teras yang kaola bentangkan pada hari Sabtu yang lalu dan selanjutnya mengenai fokus aktiviti yang akan dilaksanakan.

Memang kaola telah menyatakan beberapa nilai keluaran yang akan dirancang ataupun disasarkan menjelang 2020 dalam pelbagai sektor iaitu dari penternakan ayam, daging, sayur-sayuran, industri makanan, agrimakanan, perikanan, perhutanan dan juga perlancongan. Seperti juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi nilainya dari \$800 ke \$1 bilion. Ini penting bagi abis kaola kerana *target* abis kaola ialah untuk memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan KDNK.

Soalannya, bagaimanakah akan dicapai sasaran keluaran yang sebegini besar memandangkan peruntukan cuma \$57

juta? Bolehkah membiayai perancangan-perancangan yang dinyatakan sebelum ini? Kebanyakan *target* ataupun sasaran yang dibuat ini bukannya bergantung pada bajet kerajaan sebagaimana yang kaola nyatakan lebih awal. Sedaya upaya kementerian akan berusaha untuk tidak bergantung pada perbelanjaan kerajaan bagi melaksanakan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Kebanyakannya melalui tawaran pelaksanaan kepada pihak-pihak swasta termasuk juga pihak GLC's (*Government Link Companies*) untuk melabur dan juga kepada pihak persendirian dan selanjutnya juga kepada pihak pelabur-pelabur asing. Ini bukan sasaran yang kosong, sebagai contoh, dalam perikanan apabila kaola menyatakan *target* sebanyak \$200 juta ke \$100 juta sedangkan masa ini kementerian telah menerima dan telah *diapproach* oleh pelabur asing dan abis kaola bersama *BEDB* dan Jawatankuasa Pelancongan juga sedang meneliti Jawatankuasa Pelaburan dalam *FDI* cadangan daripada sebuah negara besar untuk membuat pelaburan sebanyak \$30 juta bagi perusahaan penternakan ikan dalam sangkar di luar pantai. Ikan tong penuh dan diproses menjadi *fillet* dan akan dijual ke luar negara. Nilai yang dikira oleh pelabur ialah nilai jualan apabila terlaksana nanti dalam 2 tahun ke 3 tahun. Nilai jualan setahun adalah sekitar \$200 juta.

Barang ini sudah ada dan ketika ini kementerian sedang membuat sekitar 18 ribu hektar kawasan luar pantai

untuk ditawarkan kepada pelabur asing dan seperti dinyatakan tadi 2 ribu hektar akan diambil oleh pelabur asing ini. Ada lagi 16 ribu hektar. Kalau kita kira dalam 2 ribu hektar ini boleh mengeluarkan hasil tahunan sebanyak 200 juta, kalau kesemua 18 ribu hektar ini akan diusahakan bererti 1.8 bilion. Walau bagaimanapun kementerian tidak akan membuat target 1.8 bilion cuma 200 juta sahaja secara *conservative*.

Ada lagi tempat-tempat lain yang akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan, pihak *GLC's* dan juga pelabur-pelabur asing, seperti kawasan pertanian untuk *vegetable production* di Kampung Tungku iaitu sebanyak 40 hektar. Jadual tawaran *RAP* akan dikeluarkan bulan Mac ini. *Green house for flowers* ada 3 *green houses* di *Agrotech Park*. Tawaran sudah pun dibuat dan dikeluarkan minggu lepas. *Impact Vegetable Plus* telah pun dikeluarkan 2 hari yang lalu. Untuk Perusahaan *Dairy Goods* di *Agrotech Park* juga di Kampung Tungku ada 40 hektar, tawaran akan dibuat kepada pelabur dalam dan luar negara pada bulan Mac atau April ini. *Beef Production* Kampung Batang Mitus 80 hektar, akan ditawarkan kepada pelabur pada Mac dan April. Bagi *Poultry Production* Kampung Senabat Temburong 200 hektar akan dikeluarkan tawaran pada bulan Julai. *Beef Production* di Kampung Batang Mitus sebanyak 145 hektar kesemuanya akan ditawarkan pada bulan Ogos ini. Semuanya bukan diusahakan oleh kerajaan tetapi akan diusahakan oleh pelabur-pelabur sama ada dalam negara ataupun *FDI*. Diharap

mencukupi jawapan untuk soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi.

Selanjutnya kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu berkenaan dengan produk-produk pelancongan pelbagai tempat di seluruh negara. Perkara ini sudah pun kaola jawab tadi pagi. Memang banyak tawaran atau cadangan destinasi atau kawasan yang difikirkan sesuai untuk dimajukan sebagai produk pelancongan negara ini.

Insya-Allah kesemuanya akan diteliti. Untuk yang tidak menggunakan peruntukkan kerajaan akan ditawarkan kepada pihak swasta untuk menilai kesesuaianya ataupun komersial *by ability*nya untuk mereka melabur dan mengembangkannya sebagai destinasi pelancongan supaya lebih cepat. Ia akan dilaksanakan secara komersial dan oleh yang demikian komersial *ability* adalah lebih penting.

Mengenai perikanan. Apakah perancangan kementerian mengenai sektor hiliran ataupun pemprosesan makanan laut dan apakah masalah-masalah atau cabaran awal di hadapi? Bercakap berkenaan dengan pemprosesan macam keropok daripada udang dan yang lain-lainnya ataupun barang-barang dikeluarkan memang bahan mentah seperti udang untuk keropok tidak cukup yang dihasilkan oleh negara.

Oleh yang demikian kementerian berunding dengan pengusaha-pengusaha keropok udang dan lain-lain itu untuk mencuba mencari bahan mentah dari tempat-tempat lain bagi *making sure* mereka dapat terus mengeluarkan produk mereka seperti keropok tadi itu.

Soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berkenaan dengan Tasik Merimbun juga kemungkinan untuk dijadikan kawasan tarikan pelancongan. Seperti yang dinyatakan tadi awal, masa ini kementerian memberi fokus kepada *primary product* iaitu produk-produk yang benar-benar sudah ada *establish* sebagai destinasi pelancongan dan perlu dikukuhkan seperti Ulu Temburong dan Batang Duri, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Seterusnya *Emerging Product* termasuklah juga Tasik Merimbun tetapi kalau dikira *ranking priorities* yang hampir *establish* sekarang ialah seperti pantai-pantai, taman-taman perhutanan, taman-taman rekreasi seperti di Sungai Basong dan lain-lainnya. Selepas kita memberi fokus yang sepenuhnya kepada *primary products* akan beralih kepada *Emerging Products* ini mengikut *priority*nya. Mengikut kesesuaianya dari segi tarikan dan kemudahan untuk orang mengunjung tempat demikian memanglah dapat kita gunakan secara *GDP* untuk mengembangmajukan Tasik Merimbun supaya destinasi pelancong akan digalakkan.

Walau bagaimanapun seperti mana yang diketahui Tasik Merimbun dikategorikan sebagai *heritage* oleh ASEAN. Jadinya perlu ada kawalan sejauh mana kita membangun Tasik Merimbun. Walau bagaimanapun, secara aktiviti mungkin masih boleh dikembangkan dengan memastikan elemen-elemen *heritage* itu dikekalkan, insya-Allah.

Kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Soalannya mengenai *CAE* dijadikan sebagai juga untuk tarikan pelancong ke Brunei. Memang salah satu daripada aktiviti ataupun pelancongan di negara ini ialah berbentuk *MICE digniting education* dan *conference International Meeting*. Mungkin *CAE* sebenarnya adalah sudah produk pelancongan under *MICE* sebenarnya.

Selain itu kaola telah berunding dengan sekolah-sekolah *national* di Brunei seperti *Jerudong International School* dan *Sekolah International Berakas* untuk mereka juga aktif dalam menawarkan sesi pelajaran kepada orang luar di musim-musim panas dalam bulan Julai, Ogos dan September. Respons daripada sekolah-sekolah ini sangat menggalakkan dan kaola difahamkan sekolah-sekolah ini terutamanya (*JIS*) telah pun membuat tawaran kepada pelajar-pelajar asing untuk menghadiri kelas *summer school* untuk berlajar Bahasa Inggeris yang potensi dari Korea dan China untuk menghadiri sesi Inggeris *course* selama 3 minggu di sini.

Kadang-kadang *students* ini akan membawa *parents* mereka untuk *stay* di sini. Waktu pagi sesi nya adalah belajar, sesi petangnya berupa aktiviti-aktiviti pelancongan. Mengenai *homestay* kampung-kampung setahu kaola tidak ada halangan untuk sesiapa sahaja menginitiate untuk *homestay* di kampung masing-masing dan memang digalakkan.

Walau bagaimanapun, *standard* perlu dikawal supaya betul-betul selesa, bersih, selamat dan ada *standard* yang dipakai sekarang di situ *standard* yang telah diberikan oleh ASEAN. Negara kita memakai *standard* yang telah ditetapkan oleh ASEAN. Sebelum satu pengusaha boleh menawarkan produknya ataupun rumahnya sebagai *homestay* ini satu potensi besar untuk kita menggalakkan pelancongan kita di negara ini bagi semua daerah negara ini.

Mengenai kayu gaharu dan kelulut. Tidak ada halangan untuk orang berusaha dalam bidang kelulut dan gaharu ini. Kementerian melalui Jabatan Perhutanan telah membuat perancangan yang bersesuaian bagi memastikan kegiatan penanaman gaharu dapat dikembangmajukan sebagai sebuah industri yang boleh menjana ekonomi juga.

Dan hal ini Jabatan berkenna juga mendukung industri hiliran gaharu sebagai contoh penghasilan minyak wangi, daun teh, kepingan-kepingan kecil atau *chips* untuk terapi aroma dan

hasil kraf tangan seperti tasbih, gelang, tikar sembahyang dan lain-lain. Pihak Jabatan Perhutanan juga akan meneliti amalan terbaik *best practices* dalam perusahaan gaharu dilaksanakan di negara luar yang terbukti berhasil dan dijadikan sebagai *benchmark* dalam memajukan industri huluan dan hiliran berdasarkan gaharu di negara ini. Dari penilaian ini juga akan dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan kapasiti pengusaha-pengusaha.

Begitu juga dengan madu kelulut. Mengenai isu pengambilan madu kelulut yang melibatkan penebangan pokok-pokok yang terdapat di dalam hutan-hutan kerajaan dan kawasan perkuburan. Pemantauan dan pengawalannya merupakan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan secara berterusan. Langkah-langkah pemantauan dan pengawalan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan sendiri tetapi secara bersepada dengan Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang dan jawatankuasa teknikal lain yang berkaitan seperti Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Senegara dan Jawatankuasa Keselamatan Salimbada.

Sebagai misalannya bagi koordinasi rondaan hutan secara bersepada yang dijalankan di bawah Jawatankuasa Keselamatan Salimbada ia melibatkan Pasukan Polis Hutan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perhutanan.

Untuk makluman, Jabatan Perhutanan tidak menegah pengambilan sarang madu kelulut selagi ia mengikut peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini. Sebagai contoh, pengambilan madu kelulut hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran dari Jabatan Perhutanan.

Selanjutnya kaola ingin menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai *Brunei Agro-Technology Park* yang sangat popular kepada pengunjung-pengunjung. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bukanlah seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Walau bagaimanapun kawasan ini popular seperti kawasan Rekreasi.

Pihak kementerian pada masa ini telah merancang untuk membuka tawaran secara terbuka melalui *request for proposal* kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat mahupun pelabur asing untuk mengembangmajukan lagi taman tersebut ke tahap yang lebih produktif dan memberi pulangan yang lebih signifikan dalam masa yang terdekat ini, terutama dari segi pertanian dan agrimakanan.

Antara skop kerja bagi *RAP* ini ialah untuk mengurus dan memelihara kebersihan taman di samping memajukan dan meningkatkan lagi keluaran hasil tanaman hiasan di tapak-tapak berkenaan ke tahap yang maksimum melalui penggunaan teknologi tinggi dan penyediaan

perkhidmatan bersesuaian untuk mendapatkan pulangan yang lebih menguntungkan kepada pengusaha ataupun Pengurus *Agro-Tech Park* itu nanti.

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu mengenai kajian pada tahun 2010 untuk menghentikan penggunaan pukat tunda, pengharaman pukat tunda.

Dialog sedang dibuat dengan pengusaha-pengusaha pukat tunda untuk secara halus memujuk pengusaha supaya secara sukarela menukar kaedah penangkapan ikan daripada pukat tunda kepada kaedah-kaedah lain yang lebih *sustainable* dan masih berjalan pada masa ini.

Insya-Allah dengan jerayawara dan cara-cara lain dan memberi jalan kepada mereka untuk terus dapat aktif dalam bidang perikanan ini akan dibincangkan bersama mereka supaya mereka tidak terus terputus mata pencarian disebabkan pengharaman secara mendadak kaedah menggunakan pukat tunda ini, insya-Allah. Isu-isu lain yang perlu dinyatakan, ketika ini permohonan sedang dibuat, kaola tidak akan menyatakannya.

Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, kaola menjawab dulu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin iaitu mengenai nelayan-nelayan yang tidak

mampu untuk aktif secara komersial. Apakah cadangan kerajaan untuk menubuhkan pekerjaan kepada mereka ini, terutama sekali jika ada *limitation* seperti musim tengkujuh ataupun adakah perancangan menyediakan seperti kolam ataupun tangki-tangki untuk mereka mengusahakan industri bisnes perikanan ini.

Sebenarnya tidak ada. Jadi sebagai jalan lain yang difikirkan ialah dengan adanya pihak orang lain yang beroperasi secara komersial dan secara besar-besaran termasuk pihak dalam negara dan juga luar negara maksudnya *FDI*, diharap mereka akan memberi peluang kepada *local SMEs* untuk ikut serta. Ertinya pada sebelah pagi pun kaola ada menyatakan *FDI* kadang-kadang beroperasi secara besar-besaran sampai 200 hektar dan ada yang sampai 2000 hektar.

Mereka bersedia untuk menawarkan beberapa kolam dan sangkar mereka untuk dioperasikan dan dikendalikan oleh *SMEs* asal saja mereka bersedia untuk mengikuti standard yang ditetapkan *FDI* ataupun pengusaha-pengusaha *entrepreneurs* tujuan untuk mengeluarkan hasil yang berkualiti.

Jadualnya adalah teratur, misalannya dari segi berapa sais anak ikan itu akan dapat digunakan untuk dipelihara dan dibesarkan hingga keberapa sainsya untuk dijual, dan berapa makanannya yang perlu diberikan, berapa kali sehari ataupun berapa kali seminggu dan berapa *amountnya*.

Selagi *SME* ataupun siapa-siapa sahaja yang berminat untuk menyertainya mengikut peraturan dan standard yang demikian adalah tidak menjadi masalah kepada mereka untuk terlibat dalam industri ini melalui kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha besar sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Mengenai penurunan perahu. Abis kaola akan berunding dengan jabatan-jabatan tertentu untuk memastikan tempat perahu itu dapat digunakan oleh nelayan-nelayan di Daerah Belait.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berkenaan rancangan untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam ke luar negara. Perkara ini sudah pun disentuh tetapi secara ringkasnya kementerian tidak bercadang untuk membuat promosi besar-besaran seperti ke London atau Moscow, Amerika Syarikat ataupun ke China memandangkan keadaan fiskal kita yang pada masa ini yang agak mencabar.

Bagaimanapun peruntukan telah disediakan kira-kira berjumlah \$200 ribu. Kita akan menggunakan kaedah *ICT*, website, *SMS* apabila pelancong datang atau pun ada pelawat datang dari lapangan terbang kita, apabila mereka membuka telefon bimbit mereka akan mengeluarkan *SMS* dengan kerjasama *DST* dan Progresif yang akan mengiklankan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam untuk mereka lawati dan di ejen-ejen yang perlu ataupun patut dihubungi

untuk mereka dapat informasi yang selanjutnya berkenaan dengan bagaimana untuk mereka sampai ke tempat tersebut.

Kaola akan menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad iaitu apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk pembaikan yang mencukupi bagi mengembangmajukan lagi *eco-tourism* negara ini khususnya Taman Negara Ulu Temburong yang telah mengharumkan negara?

Lebih dahulu terima kasih atas soalan demikian. Taman negara ini dipanggil Taman Negara Ulu Temburong. Mengenai soalan yang diajukan berkenaan *track* dari *canopy walkway* menuju ke Air Terjun Sungai Apan dan Jambatan Gantung, kedua-dua kemudahan ini telah pun dilupuskan dan tidak lagi digunakan sejak 2004. Pelupusan dibuat kerana laluan dan Jambatan Gantung tersebut sering mengalami kerosakan akibat ketumbangan pokok, hakisan tanah dan tanah runtuh. Walaupun usaha-usaha pembaikan telah pun dibuat beberapa kali.

Oleh yang demikian, langkah-langkah pembinaan semula ke atas tempat ini tidak lagi dilaksanakan memandangkan ia tidak berbaloi dan tidak lagi menjadi zon laluan bagi pengunjung-pengunjung di Taman Negara Ulu Temburong.

Mengenai hutan bakau dan herba. Memang ia masih terkawal dan terpelihara. Mengikut kajian pelan

pengurusan yang dibuat oleh konsultan pada tahun 2015, mendapati bahawa kawasan hutan bakau di Negara Brunei Darussalam meliputi keluasan 18 ribu hektar.

Cuma 16 ribu hektar di bawah Jabatan Perhutanan, manakala selebihnya hutan tanah kerajaan. Hutan bakau yang di bawah kawalan Jabatan Perhutanan terletak di dalam Hutan Simpan Pulau Selirong dan Hutan Simpan Labu. Hutan Simpan Labu dikategorikan hutan pengeluaran, manakala Hutan Simpan Selirong sebagai hutan rekreasi. Sebagai langkah untuk memastikan pertumbuhan dan pemeliharaan hutan bakau, jabatan akan mengambil langkah mengawal pengambilan sumber hutan bakau dengan memberikan lesen kepada 5 pemegang permit.

Pengambilan sumber hutan bakau ini dipantau dan dikawal dengan teliti dan terarah bahawa setiap pemegang permit diberikan had kuota tahunan. Pembelian had kuota tahunan kepada pemegang permit ini, bukan saja mengambil kira aspek ekonomi, bahkan juga melibatkan aspek *sustainability* hutan bakau yang ada. Di samping itu, jabatan juga akan membentarkan pengambilan kayu bakau kepada orang persendirian yang pengambilannya adalah dipantau dan dikawal.

Rancangan untuk mempromosi Taman Rekreasi Hutan Simpan Pulau Selirong iaitu apakah ada rancangan untuk mempromosinya?

Memang menjadi program dan perancangan Jabatan Perhutanan untuk membuka Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong ini sebagai salah satu destinasi ekopelancongan. Selain itu, taman ini juga dipromosi sebagai tempat pelajaran dan penyelidikan bagi institusi-institusi luar dan dalam negara. Program dan perancangan ini juga dilaratkan kepada taman-taman rekreasi hutan dan taman negara di seluruh negara.

Soalan menambah prasarana di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, Jabatan Perhutanan telah membuat kajian kemungkinan bagi mengetahui kesesuaian pembinaan prasarana seperti tempat penginapan pelancong di Taman Selirong ini.

Daripada kajian menunjukkan bahawa taman ini tidak sesuai dibangunkan prasarana seperti tempat penginapan oleh sebab faktor-faktor seperti ketiadaan kemudahan air bersih, bekalan elektrik dan aspek keselamatan pelancong.

Soalan, apakah sudah ada dilaksanakan kajian oleh pakar-pakar botani yang berkaitan termasuk juga mahasiswa dan para pelajar pengajian tinggi.

Mengenai perusahaan yang berkaitan dengan kajian potensi tumbuh-tumbuhan herba, Jabatan Perhutanan tidak membuat kajian mengenai potensi herba tempatan untuk dikomersialkan sebagai ubat-ubat herba kerana aktiviti kajian yang berkaitan dengan biodiversiti termasuk tumbuh-tumbuhan

herba merupakan bidang tugas Pusat Penyelidikan dan Innovasi Biodiversiti di bawah kementerian ini. Untuk peringkat awal ini, kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh pusat ini yang difokuskan kepada menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat mengenai tumbuh-tumbuhan herba bagi memperkayakan pangkalan data (*database*) khusus berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan herba ini.

Soalan mengenai udang galah. Jabatan Perikanan mempunyai sebuah pusat penetasan di Kampung Meragang yang masih beroperasi. Objektif utama untuk membekalkan baka indung udang yang berkualiti dan terjamin daripada jangkitan penyakit yang spesifik dan mengatasi masalah kekurangan benih-benih ikan dan udang. Jabatan Perikanan mula melaksanakan program penghasilan benih ikan dan udang yang berdaya tahan dan berkualiti dengan melibatkan pihak swasta.

Pada masa ini terdapat sebuah syarikat berkeupayaan menghasilkan benih udang Rostries iaitu *Syarikat Semaun Marin Resources Sendirian Berhad* dan sebuah syarikat menghasilkan benih ikan selungsung iaitu Syarikat Adila Sendirian Berhad yang mampu memenuhi permintaan industri aquakultur di dalam negara.

Terdapat dua buah syarikat lagi telah ditawarkan tapak untuk mengusahakan pusat penetasan bagi spesis ikan yang lain seperti *golden pompano* dan kerapu.

Pada masa ini, penetasan udang galah telah ditempatkan di Pusat Penghasilan Induk Serasa dan di Pusat Aquakultur Air Tawar yang bertanggungjawab dalam menghasilkan bekalan benih udang galah untuk membekalkan kepada pengusaha kolam di Daerah Temburong dan di Daerah Belait serta melaksanakan aktiviti pelepasan benih ke perairan Brunei.

Pada masa ini, Jabatan Perikanan sedang dalam proses menujuhan strategik *alliance* dengan sebuah syarikat yang menternak udang galah terletak di kampung Rampayoh Ulu Belait, iaitu Syarikat Usaha Tani Deli Duman demi memastikan bekalan benih udang galah yang berterusan tanpa bergantung pada pihak kerajaan dan sekali gus dapat membekalkan ke ladang-ladang udang galah yang memerlukannya nanti.

Soalan selanjutnya ialah berkenaan dengan Jabatan Perikanan. Seperti yang dijelaskan tadi, Jabatan Perikanan telah pun menjadualkan latihan penempatan kepada seorang pengusaha udang galah di Daerah Belait iaitu Syarikat Usaha Tani Deli Duman. Dalam penghasilan bekalan benih udang galah secara komersial di Pusat Penghasilan ikan induk Serasa pada bulan Mac 2016. Insya Allah inisiatif serupa ini akan dilaratkan kepada pengusaha-pengusaha Daerah Temburong bagi melengkapkan pengusaha dalam pembinaan dan dalam mengoperasikan fasiliti penetasan udang galah di daerah masing-masing.

Untuk makluman sehingga kini, lebih 500 ribu anak udang galah yang dihasilkan oleh Pusat Penghasilan Induk Serasa dan Pusat Aquakultur Serasa, Air Tawar Sungai Jambu yang telah dilepaskan di Sungai Temburong. Jabatan Perikanan akan meneruskan program pelepasan anak-anak udang ini bukan hanya di sungai Daerah Temburong tetapi juga di sungai di Daerah Tutong dari semasa ke semasa.

Soalan mengenai pertanian. Kajian perlu dibuat oleh kementerian apakah kaedah terbaik bagi memudahkan pengairan di kawasan padi iaitu perkara yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang di Daerah Temburong.

Kawasan tanaman padi di Lekiu, Perdayan dan Negalang apabila dimajukan sepenuhnya akan menjadi kawasan ini bertambah dari kira-kira 72 hektar yang aktif diusahakan pada masa ini kepada kira-kira 200 hektar. Pertambahan kawasan ini akan memerlukan kawasan tadahan air hujan yang mencukupi bagi membekalkan pengairan kira-kira 200,000 meter padu sehari.

Oleh itu, cadangan untuk membuat empangan di Sungai Lekiu memerlukan kajian dan penelitian terperinci kerana ia memerlukan kawasan tadahan air yang berkeluasan kira-kira 85 hektar. Tambahan pula kawasan tadahan ini akan melibatkan kawasan Hutan Simpan Batu Apoi dan juga melibatkan kawasan terkawal di bawah kawasan Nadi Borneo. Di samping itu, pembinaan

empangan akan melibatkan isu sosial ekonomi dan alam sekitar di kawasan-kawasan berkenaan.

Soalan yang selanjutnya ialah, adakah rancangan pihak kementerian untuk membuka tapak-tapak baharu khusus untuk ternakan di samping menyediakan skim bantuan subsidi khusus untuk benih dan makanan ternakan?

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengenal pasti tapak yang berpotensi digunakan bagi aktiviti-aktiviti penternakan. Walau bagaimanapun, tapak tersebut dikhurasukan bagi aktiviti ternakan berskala besar. Tapak yang dimaksudkan ialah di kawasan Kemajuan Pertanian Semabat yang mempunyai keluasan 200 hektar. Aktiviti yang dikhurasukan ialah pemeliharaan ayam pedaging reban tertutup secara integrasi yang merangkumi dari pemeliharaan ayam, pembiakan, penetasan, ayam pedaging dan penyembelihan.

Manakala bagi subsidi benih dan makanan ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak akan memasukkan perkara tersebut dalam senarai subsidi kerajaan. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuat simulasi kewangan terhadap aktiviti ternakan seperti penternakan ayam pedaging dan mendapat tanpa harga subsidi bagi benih dan makanan ternakan tersebut, pihak syarikat masih boleh memberikan keuntungan

yang positif terhadap perusahaan yang dijalankan.

Selanjutnya ialah berkenaan pelancongan yang diajukan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bagi cadangan membuka cawangan Jabatan Kemajuan Pelancongan di Daerah Temburong. Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan perundingan bersama pihak Jabatan Daerah Temburong untuk membuka cawangannya di Daerah Temburong dalam masa yang terdekat.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah mengaturkan beberapa orang pegawai untuk ditugaskan secara tetap bagi membantu perancangan perkembangan dan kemajuan pelancongan di Daerah Temburong. Antara tugas dan tanggungjawab pegawai ini ialah untuk memastikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Daerah Temburong mematuhi kehendak, keperluan dan peraturan semasa. Pegawai-pegawai ini juga bekerjasama dengan *stakeholders* yang berkait rapat dengan industri pelancongan meliputi agensi kerajaan yang lain, ejen pelancongan, perhotelan, pengendali pengangkutan dan masyarakat setempat.

Pada masa ini tumpuan utama Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah mengukuhkan produk pelancongan yang sedia ada di Batang Duri dan Ulu Temburong yang menawarkan keunikan alam semula jadi dan sumber

biodiversiti seperti mempunyai tarikan pelancongan yang tersendiri khususnya bagi yang menggemari *adventure tourism*.

Sebagai tambahan kepada soalan tadi, apakah usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan operator pelancongan mengambil kira konsep Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini?

Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang membuat inisiatif untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan sama ada kerajaan ataupun swasta untuk menawarkan *short training* bagi Operator Pelancongan (*Tour Guides*) supaya mereka memahami sejarah tempat-tempat yang selalu dilawati oleh pelancong dan juga apa-apa perkara yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja (MIB) untuk mereka fahami sebelum mereka diiktiraf sebagai Operator Pelancongan (*Tour Guides*), dan insya-Allah perkara ini akan diusahakan sedikit masa lagi.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola jawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah menjelaskan secara terperinci pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa adalah sesuai sekarang bagi Tajuk-Tajuk di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini kita undi untuk menentukan sama ada ia diluluskan atau sebaliknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Tajuk ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan
tanda bersetuju)**

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang menentang? Tidak ada, maka Tajuk SH01A hingga SH06A - Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan sebulat suara.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka dengan itu seperti lazimnya, saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan ucapan pendahuluannya mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sudah lama diam-diam, tidak

kedengaran suaranya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal
Ugama:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِنُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ،
وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kerana memberikan kaola laluan untuk menyampaikan mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Alhamdulillah, peruntukan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2016/2017, disokong sebanyak \$249,737,970.00 iaitu berkurangan sebanyak \$11,452,530.00 (4.4%) daripada peruntukan Tahun Kewangan tahun lepas. Sebahagian besarnya iaitu sebanyak \$208,827,560.00 ialah Gaji Kakitangan; selebihnya sebanyak \$38,760,410.00 adalah bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang; sementara Perbelanjaan Khas disokong sebanyak \$2,150,000.00 sahaja.

Dengan peruntukan sejumlah itu, Yang Berhormat Pengerusi, insya-Allah Kementerian akan sedaya upaya mengoptimumkannya untuk menjayakan 5 program fungsi utama kementerian yang ditetapkan iaitu:-

1. Memastikan pengurusan dan pentadbiran secara keseluruhannya beroperasi dengan cekap dan berkesan; antarabangsa sebagai mendukung produk halal negara ke pasaran luar negeri.
2. Memastikan penyebaran dakwah dan syiar Islam yang berkesan untuk memperkasakan budaya dan amalan penghayatan beragama sebagai cara hidup yang lengkap; Pecahan peruntukan masing-masing 5 fungsi utama itu disokong peruntukannya seperti berikut:-
 - i. Pengurusan dan Pentadbiran sebanyak \$27,990,270.00;
 - ii. Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam sebanyak \$26,370,470.00;
 - iii. Perundangan Islam sebanyak \$7,413,900.00;
 - iv. Pendidikan Islam sebanyak \$182,872,280.00; dan
 - v. Keselamatan Sosial sebanyak \$5,091,050.00.
3. Menggerak serta menyelaraskan persiapan pelaksanaan penuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 dengan semua agensi berkenaan semata-mata kerana Allah sambil meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam mengenai kedudukannya sebagai sebahagian daripada undang-undang Negara;
4. Memastikan keberkesanannya persekolahan dan pendidikan agama serta persekolahan Arab, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam usaha melahirkan generasi yang berilmu dan beriman bagi mendukung dan mengekalkan ciri-ciri sosial dan politik negara Melayu Islam, berpemerintahan Beraja yang berkebijakan; dan Butir-butir selengkapnya ialah sebagaimana dalam kertas No. 2, 2016 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2016/2017, Lampiran 1.8, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
5. Memperkasa Sijil dan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei dalam mengawal dan memastikan kehalalan serta kesucian pemakanan dan barang-barang gunaan yang dipasarkan dalam negeri serta mempromosikannya ke peringkat

Izinkan kaola menyebutkan sebahagian sahaja daripadanya untuk pengetahuan Dewan ini dan juga untuk pengetahuan awam. Dalam bidang Pengurusan dan Pentabiran, peruntukan bagi Perbelanjaan Khas sejumlah \$2.15 juta itu adalah untuk melaksanakan 3 projek pengambilan semula. Sebanyak \$600,000.00 disokong untuk Menaik taraf Bangunan-Bangunan dan Kawasan-Kawasan Kementerian Jabatan-Jabatan dan sebanyak

\$550,000.00 lagi untuk Pemeliharaan dan Menaiktaraf sekolah dan Pengajian Tinggi. Seterusnya untuk Pembelian Peralatan Sekolah-Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi disokong sebanyak \$1 juta.

Sementara bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Pengurusan, Dasar dan Pentadbiran, disokong sebanyak \$13.08 juta. Untuk Pengurusan Haji sebanyak \$2.98 juta. Untuk Pengurusan Aset sebanyak \$7.25 juta. Untuk Pengurusan Sistem Teknologi Maklumat sebanyak \$1.11 juta dan Pengurusan Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah sebanyak \$1.39 juta.

Dalam bidang Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam Peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam diperuntukkan sebanyak \$1.68 juta. Untuk Pentakmiran Masjid sebanyak \$15.46 juta dan untuk Penyebaran Da'wah sebanyak \$9.22 juta.

Dalam bidang Perundangan Islam pula Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Majlis Ugama Islam Brunei iaitu sebanyak \$1.134 juta untuk Perundangan Islam sebanyak \$1.18 juta dan untuk Pendakwaan sebanyak \$1.069 juta dan untuk Penguatkuasaan sebanyak \$4.028 juta.

Dalam bidang Keselamatan Sosial Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk

Permakanan dan Barang Halal sebanyak \$2.46 juta. Untuk Gaji Kakitangan sahaja Khidmat Nasihat Keluarga sebanyak \$990,797.00 dan Gaji Kakitangan sahaja bagi Kutipan dan Agihan Zakat sebanyak \$1.63 juta.

Sementara itu dalam bidang Pendidikan Islam. Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk KUPUSB sebanyak \$9.88 juta. Untuk Institut Tahfiz Al-Qur'an sebanyak \$7.14 juta. Untuk Pengajian Menengah sebanyak \$72,058,182.00 dan Pengajian Rendah sebanyak \$93,783,700.00.

Dalam hubungan ini, kaola menjangkakan sambutan yang baik daripada pihak yang berkepentingan terutama sekali pelajar-pelajar dan ibu bapa dan juga pegawai-pegawai yang layak dan ingin melanjutkan pengajiannya. Tentu mereka itu akan mengalu-alukan apa yang diumumkan oleh rakan sejawatan kaola di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama diperuntukkan \$3.5 juta pada keseluruhannya bagi biasiswa.

Yang Berhormat Pengerusi. Keseluruhan peruntukan itu mengalami pengurangan jumlah keseluruhan Perbelanjaan yang diperuntukkan Tahun Kewangan 2015/2016 sebagaimana yang dinyatakan tadi sebanyak 4.4 peratus. Dengan mengambil kira Gaji Kakitangan, pengurangan bersih 25 jawatan dan pembekuan 151 jawatan kosong daripada keseluruhan 358 jawatan kosong sehingga bulan September 2015 yang

melibatkan pengurangan peruntukan sebanyak \$1,168,650.00.

Jawatan-jawatan kosong yang dibekukan adalah 23 jawatan dalam bidang Pengurusan dan Pentabiran. 60 jawatan dalam bidang Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam 20 jawatan dalam bidang Perundangan Islam 1 jawatan dalam bidangan Keselamatan Sosial 41 jawatan dalam bidang Pendidikan Islam. Jawatan kosong selebihnya sebanyak 107 jawatan diberikan peruntukan gaji 6 bulan sahaja mengambil kira proses pengiklanan, temu duga dan pelantikan.

Perbelanjaan Berulang-Ulang berkurangan antaranya adalah dengan mengambil perkiraan sebenar gaji Pekerja Open Vote dan Pekerja Gaji Hari yang jumlahnya pada masa ini ada seramai 747 orang 372 orang adalah Open Vote dan 375 orang adalah Bergaji Hari.

Perbelanjaan Khas berkurangan dengan mengambil kira antaranya ialah keutamaan belanjawan yang mendukung projek-projek yang selaras dengan fokus perbelanjaan.

Yang Berhormat Pengerusi Kementerian Hal Ehwal Ugama setentunya akan berusaha menyempurnakan kelima-lima fungsi utamanya sedaya upaya insya-Allah wabi'aunillah dengan mengoptimumkan peruntukan Belanjawan yang disokong.

Kaola, mengalu-alukan sumbangan buah fikiran berupa saranan dan bahkan juga

kalau perlu ada teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai Belanjawan yang disokong ini.

Dalam kesempatan ini sukacita pula kaola membentangkan dengan ringkas sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian sebagai Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Bagi bidang pendidikan Islam, kementerian menetapkan sasaran seperti berikut:-

1. Seorang graduan baharu Ijazah Doktor Falsafah; dan
2. 27 orang graduan baharu Ijazah Sarjana Perguruan; dan peratus calon lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama (STPUB) sebanyak 96 peratus pada tahun lepas adalah seramai 152 orang calon lulus.

Sementara peratus calon lulus Sijil Pelajaran Ugama (SPUB) sebanyak 61 peratus. Pada tahun lepas seramai 205 orang calon telah lulus, 205 orang calon yang mengambil peperiksaan.

Peratus lulus calon Sijil Sekolah Rendah Ugama disasarkan sebanyak 95 peratus. Pada tahun lepas ada seramai 4,785 orang. Jumlah terkumpul huffaz al-Quran 30 juz yang sudah dipunyai oleh Brunei setakat ini, disasarkan meningkat kepada 39 orang Tahun Kewangan ini, sebagai tambahan seramai 3 orang insya-Allah.

Sementara peratus yang lulus mengikuti PSR, kerana Sekolah Arab juga mengikuti pendidikan umum iaitu matematik pelajaran umum, sasaran kementerian Yang Berhormat Pengerusi ialah sebanyak 97 peratus ke atas 90.

Peratus calon yang lulus mengikuti peperiksaan "O" Level dengan mendapat (5 "O" ke atas) sebanyak 35 peratus disasarkan, walaupun rendah di bawah 50 peratus. Kaola ingin menyatakan bahawa pencapaian Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan pencapaian Institut Tahfiz Al-Quran dalam peperiksaan "O" Level ini sangat membanggakan dari jumlah sekolah-sekolah menengah yang mengambil peperiksaan tersebut. Institut Tahfiz Al-Quran mendapat kedudukan yang ketiga dalam *ranking* ke 36 sekolah-sekolah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang ke-8 dalam *ranking* tersebut. Peratus yang lulus mengikuti peperiksaan 'A' Level pula dengan mendapat 3 'A' Level ke atas, disasarkan sebanyak 65 peratus insya-Allah.

Sementara bagi Hal Ehwal Masjid, kehadiran jemaah mengikut qaryah masjid disasarkan meningkat 6 peratus. Pada tahun 2014/2015 seramai lebih 20,435 orang peningkatannya.

Dalam bidang Syi'ar Islam khasnya pengembangan ugama, sasaran yang ditetapkan bagi mendaftarkan pendaftaran saudara baharu ialah seramai 500 orang, iaitu seperti sasaran dalam tahun lepas juga, namun

angkanya yang sebenar bagi tahun 2014/2015 lebih daripada 500 iaitu seramai 585 orang.

Bagi bidang perundangan Islam, jumlah kes baharu Jenayah Syar'iyah disasarkan menurun sebanyak 3 peratus kepada 247 kes berbanding 255 kes pada tahun 2014/2015.

Sementara pengeluaran Sijil dan Label Halal yang baharu dan pembaharuan bagi restoran disasarkan 300 bukan 500 sijil sebagaimana yang dicatatkan. Sementara bagi produk disasarkan sebanyak 80 sijil. Pengeluaran ini ataupun sasaran ini mungkin akan berubah:

Pertama sekali, apabila dengan mengambil kira bahawa pada 2 tahun yang terakhir, pengeluaran sijil-sijil bagi restoran-restoran dan premis-premis yang membuat makanan dalam jumlah yang banyak dan tempoh masa bagi mereka untuk membaharui ialah selama tiga tahun, maka dijangkakan dalam tahun ini dan tahun hadapan ataupun awal tahun hadapan akan berkurangan untuk pembaharuan dan cuma akan ada misalannya ialah permohonan-permohonan yang baharu.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mengambil kesempatan menyatakan bahawa langkah-langkah telah diambil untuk menjadikan Perintah Sijil dan Label Halal 2005 itu untuk dipinda menjadikannya sebagai suatu Perintah yang wajib diikuti oleh pengusaha-pengusaha. Pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, perintah itu

adalah tidak mandatori (secara *volunteer*), ia cuma menjadi wajib kerana besukut kepada lesen perniagaan (di bawah kuasa Pegawai Melesen) yang di bawah undang-undang diberikan authoriti untuk mengenakan syarat-syarat, maka di bawah syarat itu Perintah tersebut ataupun menghendaki peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha yang berkenaan dalam bidang makanan dan minuman untuk mengambil sijil tersebut.

Oleh sebab lesen sudah tidak lagi dikehendaki bagi bisnes sedemikian, maka Perintah itu perlu dipinda menjadikannya ia wajib dengan juga mengambil kira untuk meluaskannya sehingga meliputi bukan sahaja makanan dan minuman bahkan juga termasuk kepada barang-barang gunaan, ubat-ubatan, *pharmaceutical* dan kosmetik, langkah-langkah sedang diambil sedemikian itu.

Dalam bidang zakat, sasaran zakat harta ialah peningkatan disasarkan sebanyak 6 peratus pada tahun lepas kutipan zakat harta melebihi \$13 juta.

Yang Berhormat Pengerusi kaola memohon untuk melanjutkan mukadimah ini dengan membuat kenyataan bahawa seperti juga pada tahun lepas, tahun ini hasil kerajaan dijangkakan lebih jauh berkurangan yang mewajarkan kerajaan untuk mengambil langkah yang bijaksana dalam menyokong belanjawan yang berhemat dan berjimat.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyatakan bahawa sekalian kita, rakyat dan kerajaan adalah wajib menginsafinya sebagai cabaran yang mesti dihadapi dengan tabah sabar, tidak hilang punca, tidak hilang pegangan, tidak gelabah. Gelabah itu kalau dirujuk pada kamus Nunsantara, muka surat 779, bermakna sedih, susah hati dan resah gelisah.

Dalam hal ini, mari kita renungkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 155, 156 dan 157, Suratul Baqarah:-

وَلَنْبُطُونَّكُم بِشُّرٍ مِّنَ الْخَرُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَاللَّهُ رَبُّ الْعِزَّةِ بِرِبِّنَ

Tafsirnya: “Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan - kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu - Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”

Ayat seterusnya Ayat 156, Siapa dia mereka orang yang sabar itu Allah menyebutkannya:-

الَّذِينَ إِذَا أَصْبَتْهُمْ مُّصِيبَةً فَالْأُولَئِكُمْ إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّ إِلَيْهِ رَجِعونَ

Tafsirnya: “Iaitu mereka orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Nya jualah kami kembali.”

Inna Lillahi wa inna ilaihi raji'un iaitu mereka orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata Inna Lillahi wa inna ilaihi raji'un sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali. Bukan dalam konteks yang biasa kita gunakan tetapi dalam konteks yang luas.

Ayat seterusnya menyatakan siapa dan apa faedah-faedah yang akan mereka terima dengan bersabar dan dengan berserah kepada Allah, bertawakal dan berusaha:-

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوٌتٌ مِّنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهَنَّدُونَ

Mereka itulah orang yang mendapat keampunan daripada Tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah.

Yang Berhormat Pengerusi. Sesungguhnya dalam keadaan negara mengalami kurang hasil pendapatan, kita diberikan kesempatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih apa yang disebut oleh Allah Sholawatun Mirrabbihim Warahmah iaitu berbagai-bagai kebaikan daripada Allah dan rahmat-Nya dengan tetap sabar, tabah, tidak gelabah, tidak hilang punca dan tidak hilang pegangan bahkan insaf bahawa kita hamba-Nya dan milik-Nya awal akhir kita adalah daripada-Nya dan kepada-Nya.

Tidak gelabah itu ialah tidak resah, gelisah, tidak tentu rasa terutama sekali setelah mengikuti tulisan-tulisan dalam

media serantau mahupun media antarabangsa yang menganalisis ekonomi dan kewangan kita sebegitu muram. Seolah-olah kalau mengikuti analisis mereka itu kitani akan terpunduk jika tidak segera mengambil langkah-langkah yang bersesuaian terutama sekali mengadakan *reform*. Kita sebenarnya bukan *anti-reform*, kerana Brunei dalam sejarahnya daripada klasiknya kepada modennya ini, dari zaman kunonya kepada modennya ini sentiasa melalui reformasi-reformasi dan akhirnya kitani dalam keadaan moden ini adalah sebuah negara yang dinamik, Brunei kitani bangsa yang dinamis.

Reform yang kitani lakukan ialah *reform* mengikut keperluan kitani bukan mengikut ukuran-ukuran orang kerana *reform* mengikut ukuran-ukuran orang sebagaimana juga ibarat pakaian. Kalau salah ukur, mungkin ia besar nampak gabah-gabah, mungkin ia damit kecil nampak ia kiting-kiting, diangkat ke atas nampak yang di bawah, turunkan ke bawah nampak pula yang di atas tidak kecukupan. Silap memakai pakaian orang akan menghilangkan rupa kitani, asal usul kitani yang bisa menjadi sebagaimana tidak lagi tentulah mengikut sebagaimana yang dikehendaki orang.

Dalam hal inilah Yang Berhormat Pengerusi, maafkan kaola menyebutkan hal ini dalam konteks belanjawan. Mewajibkan kita tetap yakin, tidak akan dipersia-siakan oleh Allah selama mana kita terus-menerus iaitu berusaha dan berikhtiar serta bertawakal kepada

Allah Subhanahu Wata'ala. Memang dalam perkiraan mengenai harta, orang menyebut ekonomi, kewangan akan ada statistik-statistik, akan ada angka-angka. Tapi rahmat dan berkat Allah lebih dari cuma statistik lebih dari cuma rahmat Allah. Allah menjanjikan:-

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ مَا لِلنَّاسِ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ وَ

كَانَ بِعِتَادِهِ خَيْرٌ بَصِيرًا

Allah akan memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menentukan kadarnya.

Maka dengan bersikap bersikap itu insya-Allah dengan tabah, tidak gelabah, tidak hilang punca, tidak hilang pegangan kita akan tetap selamat dan sempurna mantap. Kerajaan kita bukannya tidak berusaha, usaha dan ikhtiar dengan bersikap positif demikian itu telah ada, sedang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan dan dalam Dewan ini dalam beberapa hari kitani bersidang, usaha-usaha itu telah pun dibentangkan oleh kerajaan dan telah pun diperkatakan dalam perbincangan bajet ini ataupun pertanyaan-pertanyaan bertulis. Terutama sekali dengan strategi mengurangkan pergantungan pada hasil minyak dan gas.

Kita mengetahui ada banyak inisiatif telah dan akan dibuat. Kaola ingin menekankan itulah berkatnya dalam keadaan yang dilihat sebagai kesempitan ini. Itulah berkatnya adanya kepimpinan pemerintahan beraja yang diterajui oleh raja yang berpegang

kuat kepada agama, berkeyakinan teguh terhadap pertolongan Allah iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola yakin dengan sokongan padu rakyat sekalian, terutama sekali kita yang dalam posisi penyandang amanah jawatan yang dipercayakan insya-Allah negara kita akan tetap mantap, aman tenteram, berkemajuan yang direndai oleh Allah, berkesajahteraan, berkat dan berkebajikan dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi.

Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas penerangan-penerangan mengenai sasaran-sasaran kementerian Yang Berhormat dan juga atas doa abis Yang Berhormat tadi dan diharapkan kita semua akan dapat petunjuk dan hidayah-Nya juga. Sebelum perkara ini saya buka untuk dibahaskan, maka saya bercadang untuk menangguhkan dulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan balik untuk bermesyuarat dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Susunan kerja pada petang ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Belanjawan. Bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbaikan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi

membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan tadi untuk berehat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah membentangkan ucapan mukadimahnya berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jelas dan komprehensif.

Sebelum Jadual ini diluluskan seperti lazimnya, ia akan lebih dahulu diteliti dan dibincangkan bersama. Bersama saya di sini ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah memberi Notis untuk turut serta dalam membahaskan berkenaan dengan Belanjawan kementerian ini. Seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah membuat permintaan untuk turut serta dalam perbincangan bagi Tajuk ini. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu ala manitaba'al huda. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mula-mula akan bercakap mengenai penyebaran dakwah yang diberi peruntukan menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi sebanyak \$1.8 juta bagi belanjawan negara tahun 2016. Dimaklumi bahawa mendakwah manusia untuk masuk

ke dalam agama Allah bukanlah usaha yang mudah. Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala banyak menerangkan tentang berbagai-bagai kisah para Rasul yang hendak berdakwah menyeru kaum masing-masing supaya beriman kepada Allah dan masuk ke dalam agama Allah.

Misalannya, Nabi Nuh alaihisalam telah mendakwah kaumnya selama lebih 900 tahun namun yang masuk agama Allah tidak sampai 100 orang. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendakwah kaum baginda s.a.w. selama 13 tahun di Makkah namun yang masuk Islam hanyalah sebilangan kecil daripada mereka. Mereka yang enggan menerima dakwah baginda s.a.w. itu bukan sahaja enggan malah menentang dan berkonspirasi untuk membunuh baginda dan menghapuskan agama Islam.

Soalan kaola:-

1. Kaola ingin mengetahui statistik kemasukan orang-orang bukan Islam selama 10 tahun kebelakangan ini di Negara Brunei Darussalam untuk penilaian sama ada dakwah terhadap orang-orang bukan Islam di negara ini menghadapi kesukaran-kesukaran tertentu atau sebaliknya?; dan
2. Kaola ada terbaca dalam akhbar-akhbar malah dalam mukadimah Yang Berhormat tadi, bahawa kutipan zakat harta pada tahun-tahun kebelakangan ini semakin bertambah di Negara Brunei

Darussalam. Kaola ingin mengetahui, adakah sebarang rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mempergiatkan lagi pengutipan zakat daripada syarikat-syarikat perniagaan orang-orang Islam seperti mengadakan kempen-kempen tertentu di seluruh negara bagi maksud meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Kaola lebih dahulu tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah disampaikan.

Perkara yang akan kaola sentuh seperti yang berikut:-

1. Yang kaola timbulkan ialah berhubung dengan pencapaian Sekolah Rendah Ugama dan hubungannya dengan institusi keluarga.

Kaola mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan Kementerian

Hal Ehwal Ugama dalam mencapai peratus calon-calon yang lulus Sijil Rendah Ugama yang mana mencapai 90 peratus ke atas pada setiap tahun. Dalam masa yang sama, kaola juga tertarik dengan satu taklimat mengenai 'Memperkasa Institusi Keluarga' yang telah disampaikan semasa Sesi Permuzakarahan yang diadakan pada awal tahun ini bersama dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kaola sangat bersetuju dengan pandangan yang disampaikan dalam taklimat tersebut bahawa institusi keluarga di negara ini sedang menghadapi keretakan yang semakin membimbangkan. Walaupun kaola bersetuju dengan pandangan Kementerian Hal Ehwal bahawa gejala sosial bermula dari rumah tangga, akan tetapi kaola juga berpendapat bahawa pendidikan awal kanak-kanak semasa di sekolah agama juga sedikit sebanyak boleh memainkan peranan yang wajib dalam menentukan akhlak kanak-kanak apabila mereka remaja nanti.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mengimbas kembali laporan media yang dikeluarkan pada tahun 2013, yang mengatakan pada setiap tahun sejumlah 1,095 orang penuntut yang gagal menamatkan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah.

Dari itu, dalam kita mengawasi perkembangan mengenai masalah-masalah yang berlaku yang boleh menjadi penyebab berlakunya keruntuhan kepada institusi keluarga, maka pada pendapat kaola selain memberikan tumpuan utama kepada pencapaian penuntut dalam peperiksaan Sijil Rendah Ugama, adalah juga wajar jika tumpuan juga dibuat secara berterusan ke atas usaha-usaha untuk mengurangkan jumlah penuntut yang gagal menamatkan sekolah agama dan dijadikan satu sasaran utama dalam *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama. Itu hanyalah merupakan cadangan kaola;

2. Pelaksanaan Perintah Sekolah Ugama Wajib 2012. Perintah Sekolah Ugama Wajib 2012 telah diluluskan dan dilaksanakan pada tahun 2012. Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin bertanya, bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Ugama melaksanakan perintah ini dengan berkesannya. Sejak dilaksanakan, berapakah jumlah penuntut yang didapati tidak hadir ke sekolah agama pada setiap hari atau pada setiap minggu atau pada setiap bulan seperti yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan?;
3. Berhubung dengan perancangan untuk meningkatkan jemaah masjid atau jumlah mereka yang bersembahyang berjemaah di masjid-masjid. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menjadikan

kehadiran jemaah di masjid-masjid sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) kementerian bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat sasaran supaya peningkatan tahunan kehadiran jemaah mengikut qariyah masjid akan meningkat sebanyak 3 peratus pada setiap tahun. Dari taklimat yang disampaikan semasa sesi muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ke arah meningkatkan jumlah jemaah yang datang berjemaah di masjid-masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dikatakan akan mengambil salah satu strategi iaitu dengan berkerjasama dengan Jabatan Pengajian Islam supaya melibatkan murid-murid sekolah agama yang berhampiran masjid untuk hadir bersebahyang berjemaah di masjid.

Kaola menyokong sepenuhnya cadangan tersebut kerana kaola berpendapat usaha untuk menjadikan orang ramai rajin bersebahyang berjemaah di masjid ianya hendaklah dibudayakan sejak dari kecil semasa dibangku sekolah. Walau bagaimanapun, dari taklimat tersebut kaola tidak ternampak adanya kesinambungan dalam perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama berhubung dengan perkara ini.

Sebagai misalan, dalam perancangan yang dikongsikan tidak terdapat sebarang perancangan untuk menempatkan pembinaan

masjid-masjid baharu berhampiran dengan sekolah-sekolah agama atau sebaliknya.

Pada pandangan kaola, strategi ini adalah penting supaya tidak berlaku satu ketika nanti kita terpaksa menggunakan perkhidmatan bas untuk membawa murid-murid sekolah agama untuk pergi bersebahyang berjemaah di masjid-masjid; dan

4. Mengenai pengeluaran Sijil dan Label Halal. Berhubung dengan pengeluaran Sijil dan Label Halal nampaknya apa yang menjadi tumpuan utama kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah jumlah Sijil dan Label Halal yang akan dikeluarkan kepada restoran dan barang-barang makanan pada setiap tahun. Kaola ingin tahu apakah TPOR yang digunakan oleh kementerian dalam mengeluarkan Sijil dan Label Halal ini. Adakah jangka masa atau TPOR yang digunakan dalam mengeluarkan Sijil dan Label Halal ini juga selari dengan hasrat negara untuk memperbaiki kedudukannya dalam *Ease of Doing Business*. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya
Putera Dato Paduka Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kaola dalam sama-sama ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Pengerusi apa yang akan kaola bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah tambang menunaikan fardu haji. Mengikut apa yang kaola difahamkan bahawa ada sebahagian mereka yang berhak mendapatkan tambang menunaikan fardu Haji sudahpun menunaikan fardu Haji dengan perbelanjaan sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, sehubungan dengan ini, juga, ada suara-suara dari mereka yang telah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan mereka sendiri berharap supaya hak Tambang Haji mereka akan dapat digunakan untuk mengerjakan umrah, kerana kaola juga difahamkan bahawa keutamaan untuk menunaikan fardu haji hanya bagi mereka yang belum menunaikan fardu haji.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sesungguhnya berharap bahawa apa yang mereka pohonkan ini akan mendapat kejayaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu ala manitaba'al huda.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ada 2 soalan dan satu saranan:-

1. Usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 ialah untuk melahirkan generasi berpendidikan tinggi. Penumpuan kepada pendidikan sekolah rendah yang telah menampakkan hasil keputusan yang ketara meningkat dikebanyakan sekolah rendah kerajaan.

Antara analisis keputusan adalah peratus yang agak menurun bagi sekolah-sekolah persediaan Arab sebagaimana yang ditaklimatkan ketika muzakarah bersama dengan Kementerian Pendidikan iaitu daripada 97.1 peratus pada tahun 2014 kepada 91.6 peratus pada tahun 2015. Kalau dilihat daripada peratusan 90 peratus ke atas adalah masih pada tahap yang tinggi berbanding peratusan yang diperolehi oleh sekolah-sekolah rendah kerajaan yang lain. Namun ia perlu dibuat kajian kenapa boleh menurun sehingga 6 peratus.

Soalan saya apakah faktor penyebab berlaku penurunan sehingga 6 peratus. Adakah disebabkan

pengambilan jumlah pelajar yang memasuki sekolah persediaan Arab lebih ramai berbanding beberapa tahun yang lalu atau jumlah guru yang tidak seimbang dengan keramaian penuntut? Adakah semua pengambilan pelajar-pelajar yang memasuki sekolah persediaan Arab melalui peperiksaan kemasukan yang wajib diambil oleh semua calon?;

2. Terdapat beberapa artikel yang diterbitkan dalam akhbar *Brunei Times* yang bertarikh 10 dan 29 Februari 2016 mengenai negara-negara di rantau Asia yang berminat untuk mendapatkan Sijil Halal Brunei yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Terdapat juga maklum balas dalam akhbar *Brunei Times* bertarikh 05 Mac 2016 dari pihak syarikat awam bahawa proses permohonan pensijilan halal tersebut mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan iaitu lebih lama daripada TPOR yang mengambil masa selama 45 hari yang dijanjikan. Ini sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman sebentar tadi.

Selaras pula dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai matlamat mempelbagaikan ekonomi negara yang juga menjadi hasrat baginda untuk turut dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini di samping menjalankan amanah

dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengawal dan menangani segala isu pemakanan halal di negara ini.

Soalan saya, apakah rancangan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi yang berkepentingan yang lain dalam usaha meningkatkan daya saing, kecekapan dan kredibiliti pensijilan halal agar ia dikenali dan diiktiraf di pasaran Islam serantau dan antarabangsa sebagai pensijilan yang ada nilai tambah bagi mana-mana produk makanan dan bukan makanan seperti barang kosmetik, farmaseutikal dan produk kesihatan dan perubatan.

Kalau tadi, kita telah mendengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai perintah ini akan diwajibkan barangkali dapat diperincikan lagi rancangan-rancangan susulan atau usaha-usaha kerjasama yang dirangka oleh pihak kementerian sendiri.

Seterusnya adakah usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengadakan aplikasi secara *online* untuk orang ramai mengetahui senarai restoran halal di negara ini dan senarai bahan-bahan makanan yang telah diiktiraf halal bagi tujuan memudahkan permohonan sijil atau permit halal?; dan

3. Sebagai saranan, dalam akhbar tempatan juga iaitu *Brunei Times*

pada 20 Februari 2016 ada menyiaran mengenai hampir 40 peratus graduan lepasan Universiti Islam Sharif Ali, (UNISSA) masih mencari pekerjaan iaitu dari tahun 2011 dan 2014. Dalam kenyataan tersebut juga ada menyebutkan para graduan ini semasa menjalani pengajian tahun 3 didedahkan dengan persekitaran kerja di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta bagi menimba pengalaman sesuai dengan kursus-kursus yang mereka ikuti.

Dalam Jadual Peruntukan Kewangan Kementerian Hal Ehwal Ugama 2016/2017 hanya menyatakan dalam Tajuk Keselamatan Sosial bagi jumlah pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal seramai 62 jawatan dan ini besar kemungkinan merangkumi pegawai-pegawai yang berkhidmat di Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Majlis Ugama Islam yang menangani hal-hal yang berkaitan dengan proses kehalalan termasuk penyiasatan, pengesahan, pemantauan, pengawalan dan lain-lain tanggungjawab yang berkaitan.

Sehubungan dengan perkara tersebut, pada pandangan saya, para graduan dari Universiti UNISSA yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan tentang hukum syarak dan hanya memerlukan latihan dalam bidang berkaitan iaitu halal, di-beri peluang untuk berkhidmat secara sementara, secara sukarela sebelum mereka mempunyai pekerjaan

tetap bagi membantu menyelesaikan isu kelambatan proses pensijilan halal dan juga untuk mendapat pengiktirafan Sijil Halal Brunei di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa, dalam usaha mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan kadar yang cepat.

Sebagaimana dinyatakan beberapa hari yang lalu, oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, beberapa negara berminat untuk mendapatkan Sijil Halal Brunei seperti *United Kingdom*. Perkara ini bukan sahaja dapat memberi peluang pendedahan dan pengalaman kerja kepada para graduan berkenaan tetapi juga memberi *input* penting sebagai bahan pemikiran pihak universiti berkenaan iaitu UNISSA, bagi mengadakan *module-module* kursus yang berkaitan isu halal dari aspek tuntutan hukum syarak dan sains teknologinya supaya negara kita juga mempunyai ahli-ahli dalam kalangan anak-anak tempatan yang mahir dan pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Malah dengan kelebihan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir, Industri Halal Brunei akan berdiri setanding dengan negara-negara Islam yang sudah lebih awal ke hadapan, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama

suka untuk menjawab dahulu ataupun menunggu yang lain-lain?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Hanya setakat dapat kaola catat di sini Yang Berhormat Pengerusi. Mana yang sempat kaola dapat jawab, insya-Allah selebihnya mungkin kaola akan minta tangguh.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada 4 orang Ahli Yang Dilantik. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan yang terakhir tadi ialah Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, ingin tahu statistik 10 tahun orang-orang yang masuk Islam. Kaola terus terang tidak dapat menyebutkan yang 10 tahun itu tetapi yang dapat kaola sebutkan sebagaimana tadi yang dalam angka yang dinyatakan dalam sasaran tahunan. 6 tahun terakhir ataupun 5 tahun terakhir, menunjukkan angka pendaftaran baharu saudara-saudara

baharu masuk agama Islam adalah 500 orang dan malah tahun lepas 585 orang. Jadi angka ini nampaknya konsisten selama ini dan kalau berdasarkan kepada angka 500, maka dalam masa 10 tahun, 5 ribulah lebih kurang.

Perlu juga diingat dakwah yang dilakukan terutama sekali oleh Pusat Da'wah Islamiah, tidak semata-mata ditujukan untuk orang-orang yang bukan Islam supaya masuk ugama Islam. Dakwahnya juga kepada umum meliputi semua peringkat orang-orang Islam bahkan daripada murid-murid sekolah, penuntut-penuntut, belia sehingga kepada orang-orang dewasa melalui saluran-saluran yang dibuat oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah sedang mengikuti pekembangan dalam erti kata perubahan-perubahan dalam cara-cara menyampaikan dakwah sesuai dengan perkembangan *ICT* dengan adanya media sosial dan sebagainya. Jadi Pusat Dakwah sendiri untuk menyalurkan dakwahnya itu sudah mempunyai *blog spot* yang boleh diakses oleh orang ramai. *Addressnya* inda kaola dapat menyebutkan, mungkin akan diberitahu kemudian.

Yang penting ialah alhamdulillah, walaupun demikian ada pemotongan peruntukan bagi pegawai dan kakitangan iaitu pemotongan gaji, pembekuan dan sebagainya. Abis kaola di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak menganggapnya sebagai mengurangkan usaha-usaha

pendakwahan. Pemotongan itu dilakukan secara realistik. Pertamanya, pembekuan ke atas jawatan-jawatan yang sudah lama tidak diisikan. Perkara itu tidak akan melemahkan usaha-usaha dalam semua bidang bukan sahaja bidang da'wah dan sebagainya.

Kaola mengucapkan terima kasih mengenai perkara ini. Mengenai kutipan zakat semakin bertambah dari segi zakat harta. Adakah juga rancangan untuk meluaskan kutipan zakat meliputi zakat harta dan juga zakat perniagaan. Memang ada rancangan, kitani secara realistik mengakui berkeupayaan untuk melaksanakannya dalam jangka masa yang pendek. Satu dasar hala tuju yang teratur, secara bersistem dan sebagainya memerlukan penelitian dan memerlukan keahlian-keahlian yang tertentu.

Undang-undang memang mewajibkan untuk orang ramai membayar zakat. Mana-mana yang wajib membayar zakat dan mewajibkan juga dikutip dan diurus. Setakat ini kita belumlah lagi berjaya untuk bergerak ke arah itu. Kita mengucapkan alhamdulillah kerana kesedaran orang awam juga. Inilah berkatnya kesan daripada dakwah dan kesan daripada pendidikan agama juga. Ramai orang yang tampil membayar zakatnya termasuklah syarikat-syarikat kecil seperti restoran dan katering tampil untuk membayar zakat ini kita alu-alukan.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, memanglah kaola

mengalu-alukan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu terutama sekali mengenai keretakan kekeluargaan yang ada hubungannya juga dengan pendidikan awal agama. Namun demikian faktor-faktor yang lain tentulah Yang Berhormat tidak juga mengenepikan keretakan itu berpunca daripada berbagai-bagi punca. Misalannya, keretakan itu dilihat dari segi perceraian. Angka perceraian dalam beberapa tahun ini konsisten iaitu 600 setahun. Kebanyakkan punca utama perceraian itu adalah tiada persefahaman.

Adakah pendidikan awal agama mempengaruhinya sebagaimana asas peribadi seseorang Islam atau macam mana? dilihat kepada kes-kes yang ada misalannya jenayah atau kesalahan dadah. Penghuni-penghuni yang ditahan di Pusat Pemulihan ataupun di mananya jua. Pernah, bukan kajian secara terperinci tetapi secara *random*, mereka itu tidak sempat bersekolah agama ataupun bersekolah agama tidak secara terus menerus (*consistent*) dan tidak sampai ke darjah enam dalam keadaan sebelum Perintah Pendidikan Ugama 2012 dikuatkuasakan.

Kita berharap, kalau sedemikian itu menunjukkan tiada pendidikan agama kerana pada masa itu pendidikan agama tidak diwajibkan, maka sekarang setelah pendidikan agama diwajibkan, kita berharap generasi yang akan datang adalah generasi orang yang sudah sempurna dalam erti kata mempunyai asas yang sempurna bagi menjadi seorang Islam yang menunaikan fardu

ain iaitu dengan pendidikan di sekolah rendah agama. Saranan-saranan supaya perintah agama ini dilaksanakan dengan mempunyai usaha-usaha untuk memantau sejauh mana kejayaannya.

Setakat ini, kaola belum mendapat maklumat yang lengkap mengenai perkara itu. Apakah ada dibuat sebagaimana jua dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menentukan kehadiran murid-murid dalam seminggu dalam sebulan dan sebagainya. Insya-Allah kalau ada maklumat sedemikian kaola akan berikan Yang Berhormat Pengerusi.

Berhubung dengan soalan ketiga daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf tentang tambang menuaikan fardu haji, bolehkah ditukar kepada umrah bagi orang yang sudah menuaikan fardu haji?. Walaupun mungkin ada orang manyarakkan ia berhak memohon dan permohonannya disalurkan kepada Kementerian Ugama dan Kementerian Ugama akan memanjangkan kepada Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji.

Kaola berterus terang menyokong permohonan seumpama ini. Terutama sekali terdapat Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang menentukan siapa yang berhak mendapat tambang haji. Hatta, orang yang terhalang kerana penyakit ada 3 kategorinya yang masih mendapat Tambang Haji. Hanya Tambang Haji itu untuk ditunaikan hajinya secara badal/ganti/upah. Bukan untuk menuaikan umrah. Oleh itu,

kaola tidak dapat berjanji Yang Berhormat Pengerusi dan minta maaf kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Kaola mengalukan pandangan dan buah fikirannya terutama sekali Yang Berhormat bekas seorang pegawai kanan di kementerian yang banyak tahu selok-belok kementerian dan aspirasi kementerian dalam hal ini. Sesuai dengan itu, beliau telah mengemukakan beberapa saran. Kaola tidaklah menumpukan kepada muhazah atau *observation* yang beliau kemukakan dan sarankan. Kaola dengan hormatnya menyatakan kaola menghargainya dan mudah-mudahan dapat dicatat oleh pegawai-pegawai di sini. Kementerian akan mengambil kira Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sambung semula. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat pengerusi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebentar tadi. Kaola menyokong penuh atas peruntukan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang keseluruhannya berjumlah \$249.7 juta itu bagi membayai perbelanjaan kesemua jabatan di bawahnya.

Apa yang kaola akan suarakan hanya ingin meng*compliment* atas usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menitikberatkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam. Dalam hubungan ini, kaola ingin fokus kepada Jabatan Pengurusan Haji yang diberi peruntukan berjumlah \$2.9 juta bagi Belanjawan Tahun 2016/2017.

Alhamdulillah, pada awal tahun ini pihak Jabatan Hal Ehwal Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun memberi kebenaran kepada 4 buah syarikat tempatan untuk mengendalikan pakej umrah dan haji. Ini memberi peluang kepada para jemaah di Negara Brunei Darussalam membuat pilihan mereka dan sekali gus membuka peluang perniagaan kepada rakyat di negara ini.

Pada kebiasaan yang kita sedia maklum bahawa jemaah-jemaah haji. kita mengerjakan haji mereka dalam tempoh sebulan. Pada pemikiran kaola tempoh tersebut boleh dikurangkan tanpa menjelaskan ibadah haji. Dengan itu para jemaah dapat membuat pilihan untuk tidak berada lama di Kota Makkah dan Madinah terutama yang pernah menuaikan fardu haji berkali-kali. Ia juga memberi kemudahan kepada para jemaah yang masih bekerja memohon cuti pendek bagi mengerjakan ibadah haji yang manfaatnya kos perbelanjaan mengerjakan haji tidak akan terlalu mahal malah akan dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, terserahlah kepada para jemaah untuk membuat pilihan sendiri pakej manakah yang lebih sesuai untuk mereka, sama ada mereka


mahu tinggal sebulan ataupun sebaliknya.

Pertanyaan kaola Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Apakah pandangan dan pemikiran pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini?; dan
2. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memberi kebenaran sekiranya ada antaranya 4 buah syarikat tersebut ingin merancang untuk melaksanakannya?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya jemput sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kurnia taufik dan hidayah-Nya juga saudara-saudara baharu makin bertambah dan terus bertambah dari tahun ke tahun dan diucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana peruntukan mengenai Pusat Da'wah ada tercatat dalam peruntukan hari ini.

Dengan bertambahnya saudara baharu, ini menandakan bahawa agama Islam telah dapat diterima dan difahami oleh mereka yang telah menganut agama Islam dan menghayatinya. Ini adalah petanda atas hasil usaha Pusat Da'wah yang berterusan dan berkesan. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di satu majlis di Daerah Temburong pada satu ketika dahulu, antaranya baginda bertitah "walaupun ada antara rakyat baginda belum memeluk agama Islam, tetapi memadailah jika mereka itu mengamalkan Islam itu sebagai satu cara hidup."

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab tanggungjawab Pusat Da'wah ini terus beroperasi dari semasa ke semasa dan sudah tentu saudara baharu terus bertambah dan semakin ramai bilangannya. Dalam pada itu, tenaga serta kakitangan pembimbing perlu ditambah seiring dengan keperluan untuk memimpin mereka yakni saudara baharu supaya lebih berkesan akan kefahaman akidah dan amalan mereka tentang agama Islam. Untuk itu dicadangkan supaya setiap kampung melalui kerjasama Ketua Kampung masing-masing mengadakan kelas bimbingan bagi memberikan kefahaman dan penghayatan akidah ke arah yang lebih mantap kepada mereka yang belum menghadiri kelas agama Islam di tempat masing-masing.

Ini selaras dengan konsep MIB, Negara Zikir dan dalam pada itu akan dapat memperluaskan lagi mengenai

kefahaman Undang-Undang Syariah yang menjadi peggangan negara ini. Yang Berhormat Pengerusi, kefahaman agama adalah wajib bagi seorang muslim tanpa kefahaman yang mantap akan boleh menggugat amalan dan ibadat masing-masing lebih-lebih lagi terhadap saudara baharu. Di samping memberi bimbingan akidah kepada saudara baharu yang lebih penting juga ialah taraf kehidupan mereka hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya.

Ramai antara mereka ini tidak mempunyai rumah sendiri. Ada sesetengahnya menumpang rumah saudara mara dan kalaupun ada rumah sendiri hanya rumah sendiri tanpa air dan api. Mereka membina rumah di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran seperti mana terdapat di kampung-kampung pendalaman.

Oleh itu, kaola mengharapkan kepada Ketua Kampung, Penghulu, Pegawai Daerah, Jabatan Tanah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Da'wah dan Baitulmal supaya memeduli akan nasib saudara-saudara baharu ini yang masih berada dalam keadaan miskin dan dikhuatiri melalui hadis miskin itu menghampiri kekufuran.

Dari itu, menjadi harapan supaya tindakan bersepadu daripada semua pihak yang berkenaan akan berusaha demi menyelamat akidah dan menjamin kehidupan saudara-saudara baharu dan keluarga mereka yang mengalami serba kekurangan dan terus terbiar tanpa tempat tinggal yang sesuai bagi menjamin keselamatan mereka.

Di samping itu perlu diingatkan juga jika sekiranya kehidupan mereka terbiar, aib dan tidak terurus ia boleh menyebabkan pandangan serong daripada pihak lain dan akan menjelaskan perkembangan agama Islam. Ia akan dianggap tidak selari dengan konsep MIB dan Negara Zikir yang menjadi pegangan dan amalan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini.

Soalan kaola Yang Berhormat, apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengurus dan membantu naik taraf kehidupan saudara-saudara baharu yang sebahagiannya dalam keadaan miskin.

Mengenai Masjid Kampung Birau. Penduduk-penduduk dalam Kampung Birau yang bermastautin termasuk Kampung Kebia, Kampung Bakiau, Luagan Timbaran dan Santul makin ramai. Masjid di Kampung Birau yang ada pada masa ini tidak mampu bagi menampung keramaian para jemaah setiap hari Jumaat dan jawatankuasa terpaksa menyediakan tikar di luar tempat mengambil air sembahyang yang lebih-lebih lagi apabila waktu sembahyang Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji para jemaah ini lebih ramai dari hari Jumaat.

Pada Ramadan 1436, jawatankuasa masjid terpaksa mengambil tindakan untuk membina dan menambah membuat atap sebelah hadapan masjid berkenaan seluas 1000 kaki persegi (20x50 kaki) dan lantainya disumbangkan oleh Jabatan Daerah Tutong sebanyak 40 keping papan lapis

untuk sementara waktu dipakai waktu-waktu sembahyang Jumaat. Mewakili Jawatankuasa Masjid dan penduduk Kampung Birau, saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Daerah.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin tahu adakah perancangan untuk menambah luas atau membesarkan bangunan Masjid di Kampung Birau yang ada sekarang untuk jangka panjang?

Satu ketika dahulu Masjid Kampung Ukong ada iklan pembinaannya. Apakah perkembangannya pembinaan masjid tersebut? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola membawa isu Tabung Dana Bangunan Masjid. Kaola berasa syukur atas tabung dana bagi pembinaan masjid yang dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2014 dan ia memberi makna yang besar kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Rakyat dan penduduk juga diberi kesempatan untuk menyumbang seperti mana petikan titah "Ini adalah satu

peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat”.

Dalam hal ini, kaola sukacita ingin mengetahui setakat ini berapakah jumlah dana yang terkumpul dan adakah sudah perancangan-perancangan untuk menggunakan dana ini?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Soalan ini sama dengan 2 orang rakan-rakan kaola iaitu Yang Berhormat Datuk Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman dan Yang Berhormat Datuk Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, walau bagaimanapun kaola ringkaskan soalan ini.

Walau bagaimanapun di samping tambahan cepatnya proses pemberian sijil halal itu, kaola perlu juga bersikap berhati-hati demi menjaga reputasi Negara Brunei Darussalam sebagai pengeluar Sijil Halal yang diiktiraf dan mendapat kepercayaan di rantau ini dan di dunia. Untuk menjaga reputasi ini, haruslah kita mempunyai tatacara yang cermat selaras dengan kehendak

syariah Islam dan peraturan di bawah Sijil Halal dan Label Halal 2005.

Kita tidak hanya memikirkan untuk mempercepatkan dan membanyakkan pemberian Sijil Halal untuk menepati dan memperbanyakkan pemberian Sijil Halal hanya semata-mata untuk mencapai *KPI*. Janganlah juga kecepatan itu sampai tidak meneliti dan membuat pemeriksaan yang cermat dan cara yang tidak berhemah seperti oleh hukum Islam yang kehendaki.

Soalan kaola:-

1. Setakat ini berapakah tambahan kakitangan serta pegawai yang diperlukan bagi Jabatan Syariah Bahagian Halal sehingga ia mampu untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Halal itu?;
2. Adakah kaedah yang canggih diamalkan?;
3. Adakah dimaklumi bahawa setiap pelekat atau label halal yang diletakkan kepada bungkus botol atau tin bagi produk itu dikenakan bayaran sebanyak 2 sen satu label?; dan
4. Adakah pengeluaran label-label halal itu dalam keadaan terkawal dan sentiasa dipantau akan kelulusannya serta label-label itu dijaga dengan cermat?. Jika tidak, begitu ia dikhuatiri penggunaan label-label halal itu mungkin saja disalahgunakan oleh pihak-pihak

yang tidak bertanggungjawab seperti yang berlaku di negara lain.

Tujuan kaola hanya ingin memartabatkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang sangat berhemah yang menjaga pemakanan yang diiktiraf kehalalannya. Brunei boleh digalati dan diiktiraf dalam pengeluaran Sijil Halal di samping kedudukannya sebagai Negara Zikir kedudukan ini sekali gus akan meningkatkan lagi keistimewaan Negara Brunei Darussalam sebagai pengeluar makanan halal yang terkenal di rantau ini dan mungkin juga di seluruh dunia nanti.

Ini akan memberi *added advantage* kepada negara ini untuk mengekalkan status BRUNEI HALAL untuk menjadi *trust business* kita di negara ini. Itulah hasrat kaola supaya Negara Brunei Darussalam menjadi pusat yang digalati di dunia dari segi persijilan halal. Satu Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengingati sahaja pihak berwajib telah melaksanakan tanggungjawabnya agar pengguna-pengguna muslim di negara ini dapat menikmati makanan-makanan halal ketika makan di luar dan juga membeli barang makanan dari premis-premis pembuat makanan.

Walau bagaimanapun, sukacita mendapat pencerahan lanjut mengenai perkara ini, apakah nasihat pihak berwajib mengenai:-

1. Restoran-restoran yang tersenarai di senarai premis membuat makanan atau minuman yang mendapat Sijil Halal dan Permit Halal MUIB kemas

kini Disember 2005 di kemas kini di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi kebenarannya sudah mansuh; dan

2. Restoran-restoran bahan yang telah tersenarai dalam senarai restoran dan kedai makan yang telah mendapat Sijil Halal dikemas kini pada Disember 2015. Restoran yang tersenarai di senarai di atas tetapi kebenarannya sudah mansuh, bolehkah pengguna-pengguna Muslim terus membeli barang-barang makanan di premis-premis itu atau makan di restoran yang berkenaan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk menjawab dahulu, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terutama sekali kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dari Daerah Belait. Kaola menyambut baik *compliment* yang diberikan kepada kementerian dalam menitikberatkan syiar Islam dan dalam hal ini juga pengurusan haji telah mengambil langkah membenarkan 4 buah syarikat mengendalikan pakej umrah dan haji. Kitani percaya langkah itu ialah untuk memberi peluang terutama sekali peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha dalam negeri. Selain itu, faedahnya ialah untuk Jemaah-jemah membuat pilihan.

Yang Berhormat menyarankan, apakah boleh dikurangkan tempoh sebulan itu kepada kurang daripada sebulan naik haji kepada orang-orang yang ingin mengikutinya tanpa menjelaskan ibadat haji. Dengan itu akan mengurangkan kos supaya tidak terlalu mahal. Tujuan kementerian meluaskan agensi yang dibenarkan menawarkan pakej haji dan umrah daripada 2 selama ini kepada 4 akan dapat, memberikan peluang kepada jema'ah membuat pilihan.

Dalam masa yang sama, kita melihat dengan adanya tambahan sedemikian itu ada persaingan untuk mendapatkan pelanggan-pelanggannya. Kita berharap tambahan ini akan mendorong kesemua agensi yang berkenaan itu bukan saja menawarkan harga yang berpatutan bahkan memberikan servis yang terbaik yang diharapkan oleh jema'ah.

Adapun memendekkan tempoh menuaikan haji kurang daripada sebulan, perkara ini sudah banyak disuarakan. Ada ura-ura orang-orang yang ingin menuaikannya dan hanya dapat cuti beberapa waktu atau tidak sampai 2 minggu atau sebulan, supaya mereka juga dapat masuk dalam pakej tersebut. Hal ini boleh mereka uruskan asalkan memasuki dalam istilah termasuk orang-orang yang dalam kuota pada masa ini. Dalam pada itu, perkara ini juga harus diperiksa mengikut apa yang dilaksanakan oleh Jabatan Urusan Haji mengenai cara perlaksanaannya.

Apakah ia akan mengurangkan kos? Pada zahirnya memang sedemikian.

Urusan haji ini Yang Berhormat Pengerusi, susah kitani menentukan. Ianya ditentukan oleh keadaan di tanah suci, Makkah dan Madinah. Apa yang penting ialah usaha daripada agensi-agensi ini terutama sekali agensi yang baru menjadi *players*. Pertama sekali mengenai tempoh naik haji. Kedua ialah meneroka harga yang lebih murah. Empat atau lima tahun dahulu untuk naik haji masih boleh di bawah \$10 ribu.

Pada tahun lepas tidak ada harga \$10 ribu itu. Kalau 5 tahun ke hadapan mungkin \$20 ke \$30 ribu. Siapakah yang mampu dengan jumlah itu. Alasan kita ialah kita tidak dapat menguasai untuk menentukannya. Yang dapat kitani tentukan barang kali tambang yang turun naik, bergantung pada penempatan hotel di sana. Salah satu contohnya sahaja perundingan tahunan baru-baru ini mengenai haji iaitu 2 minggu lalu untuk harga di Masyai'r (Arafah dan Mina). Mereka menetapkan 8 ribu. Perunding-perunding dan pegawai-pegawai kitani berunding berjaya mendapatkan setakat 7 ribu riyal sahaja, itu. Mengenai hotel belum lagi diketahui dan sebagainya.

Kalaular syarikat baharu dan lama meneroka bagaimana jema'ah dari negara lain, jiran kitani yang masih boleh menuaikan haji di bawah \$10 ribu dengan tidak menjelaskan ibadat mereka. Cubalah ejen-ejen ini untuk menerokanya macam mana caranya. Setakat yang kitani ketahui ialah jema'ah sedemikian itu datang hampir tiba saat hari Arafah iaitu kira-kira dalam seminggu ataupun beberapa

hari, tiba hari Arafah dan mereka tinggal di luar daripada kawasan yang memang mahal, iaitu hotel ataupun *apartment* ataupun rumah-rumah persendirian. Mereka sempat juga diaturkan oleh agensi mereka untuk beribadat dengan mengikut ketentuan-ketentuan tertentu di Masjidil Haram dan sebagainya. Apabila waktu untuk hari Arafah mereka terus ke Arafah dan terus ke Mina.

Selepas itu barulah mereka, masuk ke kawasan-kawasan yang dekat dengan Masjidil Haram termasuk hotel seperti Gufran tempat orang Brunei tinggal. Pada masa itu mengikut perkiraan dan mengikut maklumat yang diketahui hotel sudah dalam harga yang murah. Dalam beberapa hari mereka tinggal di Gufran menunaikan ibadat di Masjidil Haram mereka barulah berangkat ke Madinah yang hotelnya murah.

Kaola berharaplah pakej sedemikian ini akan diterokai oleh ejen-ejen kitani untuk menjamin supaya kos naik haji dapat dikawal sesuai dengan kemahuan dan keperluan jema'ah. Pada masa ini, naik haji kitani adalah naik haji prima, tidak dapat dikatakan kitani tinggal di kawasan yang berdekatan Masjidil Haram dan Masjid Madinah. Pelayanan-pelayanan kitani pun keseluruhannya alhamdulillah, tapi bagaimana pula akan datang?. Begitulah yang kaola rasakan Yang Berhormat Pengerusi mengenai *respons* kaola kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Alhamdulillah, Yang Berhormat mengalu-alukan segala usaha-usaha berhubung dengan pengislaman. Satu perkara yang mesti diingat daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu jelas bahawa kita tidak memaksakan akidah kepada orang yang bukan Islam bahkan kita tidak memaksakan cara hidup Islam tetapi kita memperkenalkan, memperkenalkan cara hidup Islam menawarkan kepada mereka mengenai akidah, kitani pun bergantung pada hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekali pun Nabi s.a.w. sendiri tidak dapat memasukan iman kepada dalam hati pamannya yang mengasihinya dan melindunginya. Yang sedemikian itu hidayat adalah milik Allah Subhanahu Wataala untuk memberikan kepada sesiapa berusaha untuk memperkenalkan akidah itu kepada orang lain. Tetapi kita tidak memaksakannya itu yang penting. Tetapi kita memperkenalkan cara hidup Islam untuk sama-sama diamalkan sebagai rakyat dan penduduk yang duduk di negara Islam yang duduk di bawah kepimpinan raja Islam yang mana nilai-nilai cara hidup Islam itu maksudnya ialah nilai-nilai yang *universal* yang juga ada termasuk dalam nilai-nilai adat mereka yang tradisional tidak bertentangan dan nilai-nilai *universal* yang selebihnya.

Mengenai *ritual* itu bergantung pada akidah. Itu yang penting diketahui dan memang kaola bersetuju Yang Berhormat Pengerusi bukan semata-mata untuk mengislamkan setelah Islam tetapi diajarkan pengajaran-pengajaran untuk pemahaman, peningkatan dan sebagainya. Yang Berhormat itu mengalu-alukan supaya dipergiatkan lagi kegiatan pemahaman supaya kehidupan mereka terjaga.

Yang Berhormat tadi menyebut kalau saudara-saudara baharu itu yang tergolong dalam golongan miskin, itulah yang telah disasarkan oleh Pusat Da'wah dan Islamiah dengan dana yang disediakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui wang zakat jika mereka itu berhak seperti memerlukan rumah.

Ada beberapa rancangan perumahan yang dilakukan di Pusat Da'wah dan Islamiah di Daerah Temburong untuk perumahan saudara-saudara baru yang memerlukannya perumahan dalam erti kata mereka itu orang yang miskin. Dibantu menyediakannya perumahannya. Ada 3 buah yang sudah siap dan sebuah lagi akan siap. Insya-Allah.

Bahkan juga disediakan berek-berek untuk penempatan mereka. Penempatan mereka ini Yang Berhormat Pengerusi ialah apabila didapati di kampung tersebut ramai bilangan keluarga yang saudara memeluk agama Islam. Mereka asalnya yang tinggal di rumah panjang yang misalnya diubah rumah panjang itu kepada berek yang bersesuaian dengan keadaan

sekarang dan mereka tinggal di sana umpamanya di Semabat ada beberapa buah keluarga, begitu juga di Selapu. Ada berek-berek itu didiami oleh keluarga tidak kurang daripada 6 keluarga satu berek. Keperluan untuk memeberikan perumahan itu memang ada. Mereka itu sebagai orang miskin yang memerlukan perumahan dan diberikan perumahan, untuk penempatan secara berkeluarga dan berkumpul di satu tempat di kampung dengan menyediakan berek-berek.

Dasar adakah orang yang bukan Islam yang memeluk agama Islam mesti terpisah daripada keluarganya. Ini mestilah diperhatikan baik-baik. Itu bukan dasar dalam pengislaman bahkan lagi *ideal* ia sebagai anggota keluarga hidup bersama-sama dengan keluarga mereka. Tidak ada halangan dari segi syarak dalam perkara ini. Kalau ada keperluan khas dalam erti kata kerana memeluk agama Islam itu timbul perselisihan kekeluargaan maka hal sedemikian itu diberi pertimbangan khas maka disediakanlah rumah-rumah kediaman sementara tapi untuk menyisihkan daripada keluarga itu bukan dasar Pusat Da'wah dan Islamiah dalam pengislaman.

Perkara yang seterusnya mengenai sijil. Perkara ini sama iaitu sudah penambahan tenaga untuk mencapai sasaran *KPI*. Adakah TPOR tidak dapat dipenuhi hingga ada sampai 3 bulan dan sebagainya. *The last two years* langkah-langkah sudah menunjukkan kejayaan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri. Pada masa itu untuk mempercepatkan proses ini kejayaannya telah dibuat TPOR 45 hari kemudian turun kepada 28 hari dan sebagainya.

Ada ungkayah di Bahagian Kawalan Halal ini yang memerlukan tambahan pegawai-pegawai dan memanglah tepat dan bersesuaian jikalau kelebihan peruntukan untuk digunakan bagi tenaga-tenaga yang belum mempunyai pekerjaan diambil sementara secara gaji hari atau pun *open vote* supaya mereka itu diberikan pekerjaan dan ini dilakukan dalam bahagian zakat kutipan dan agihan zakat.

Ada beberapa orang penuntut lepasan tinggi Islam berkhidmat sebagai Penyiasat bukan dari peruntukan dana kewangan yang ada tetapi dibayar daripada dana zakat iaitu daripada Asnaf Amin. Mereka bekerja untuk membantu penyiasatan dan mempercepatkan proses-proses yang dihadapi masa ini. Hal itu boleh juga dipertimbangkan tapi bilangannya terhad berapa ramai sahaja.

Keupayaan untuk membayar dengan wang zakat itu mudah-mudahanlah tambahan wang zakat dapat digunakan lagi. Selain itu mempercepatkan penjamin supaya sijil ini mempunyai reputasi dapat dipohonkan dalam masa segera tetapi menepati kehendak syarak dan sebagainya. belum lagi dapat direspon secara konkret oleh kementerian sendiri untuk mengoutsourcekan bidang persijilan halal kepada sesuatu badan bebas untuk mengendalikannya.

Kaola mengalu-alukan pandangan-pandangan untuk memantau apa juar mengenai label yang sudah digunakan dan produk ini adakah ia dipantau? Memanglah dibuat pemantauan bergantung secara *random* dan sebagainya. Prinsipnya kita tidak berkompromi kepada keselamatan dan menjaga kehalalannya. Berhubung dengan Sijil Halal yang mansuh, soalannya ganjal bunyinya apakah orang Islam boleh makan di tempat itu. Selama ini kitani tidak menghalang di restoran umum bukan restoran yang diketahui istilahnya bukan makanan orang Islam.

Kalau di restoran umum atau kedai makan umum maknanya bukanlah menjadi kesalahan kepada orang Islam makan di restoran umum yang tidak mempunyai sijil halal tetapi kalau benar sijil itu ada digantungnya sudah mansuh kesalahannya ialah kesalahan restoran itu menggunakan label halal dengan menggunakan sijil halal yang sudah mansuh ataupun ia tidak mempunyai sijil daripada Majlis Ugama Islam Brunei, Bahagian Kawalan Makanan menggantung tanda-tanda halal maka itu ertiannya penyalahgunaan sijil dan tindakan undang-undang boleh diambil.

Mengenai Tabung Dana daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Alhamdulillah memanglah sebagaimana titah untuk memberikan peluang kepada orang Islam sama-sama bertanam saham akhirat dalam perkara ini. Yang Berhormat ingin tahu, sejauh ini berapakah sudah jumlah kutipan dan apakah sudah ada rancangan. Setakat

ini sejak dilancarkan 4 Jun 2015 ianya telah berhasil dan kira-kira hasil itu mula-mula sekali ia telah diumumkan kepada orang ramai pada 31 Disember 2015 iaitu daripada bulan Jun hingga Disember 2015 adalah sebanyak \$1,216,996.72 atau \$1.21 juta.

Dalam masa 2 bulan pertama tahun ini, Januari sehingga 29 Februari 2016, angka ini telah meningkat kepada \$2,374,900.59 iaitu meningkat sebanyak \$746,752.87. Kalau kita melihat dalam masa 2 bulan ini sebanyak \$786 ribu meningkat setiap bulan \$300 ribu alhamdulillah. Ini menandakan suatu pertambahan yang insya-Allah dalam masa 2 tahun kita boleh mengumpulkan dalam jumlah \$3 ke \$4 juta dan kalau masjid sederhana yang berharga sejumlah itu boleh kitani membangun masjid yang sedemikian.

Penyumbang tetap yang diharapkan selain tabung-tabung masjid-masjid atau di mana-mana tempat yang sudah dibenarkan, ialah juga penyumbang tetap sukarela daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Setakat ini menunjukkan suatu perkembangan yang baik. Bermula dari 41 orang yang mengisi borang yang sedemikian itu pada bulan September 2015 kepada 4,364 orang pada bulan Februari tahun ini. Jumlah yang sudah terkumpul daripada sumbangan tetap daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan ini adalah sebanyak \$152,805.20. Daripada jumlah 4,364 orang ini 7 orang daripadanya adalah saudara-saudara kitani yang

bukan Islam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan yang telah pun diberikan terhadap soalan-soalan yang telah pun dikemukakan setakat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya perbincangan bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya ingin menangguhkan persidangan ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu pada hari Selasa, 6 Jamadilakhir 1437/15 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

